



مجلس دأیره جلي، کلنتن

MAJLIS DAERAH JELI

17600 Jeli, KELANTAN.

Tel - 09 9440023 AM
- 09 9440260 S/U
Fax - 09 9440007

Ruj. Kami : MDJ.400-5/1/2 JLD 1
Tarikh : 04hb Jamadil Awal 1447H
26hb Oktober 2025

Ke majlis,

Yang berkenaan,

Tuan/Puan,

SEBUTHARGA BIL : MDJ. 400-5/1/2 JLD 1 2026
SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA
SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI,
KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH
JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2026 HINGGA 31
DISEMBER 2026

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa syarikat tuan/puan telah dipilih untuk menyertai tawaran sebutharga yang tersebut di atas.

Tawaran sebutharga di atas adalah **tertakluk kepada syarat-syarat** seperti berikut:

1. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam kod bidang 220801. (Sila majukan salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan MDJ).
2. Pendaftaran sebagai kontraktor bumiputera dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 220801. (Sila majukan salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan MDJ).
3. Memiliki Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan (Sila majukan salinan sijil lesen untuk rujukan MDJ)
4. Tempoh sahlaku minima tawaran sebutharga adalah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tawaran sebutharga.
5. Tempoh serahan bekalan / tempoh siap kerja / tempoh kontrak adalah satu (1) tahun bermula 01 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.
6. Tawaran sebutharga hendaklah dibuat berdasarkan kepada spesifikasi perkhidmatan di Dokumen Sebutharga yang disertakan bersama surat ini.

7. Sila majukan profail syarikat, Borang 24 dan 49 (Akta Syarikat/Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Ordinan) untuk rujukan kami.
8. Sila majukan maklumat tentang pengalaman syarikat tuan/puan dalam perkhidmatan sebegini. (Nyatakan nama agensi/syarikat yang sedang melanggan atau pernah melanggan perkhidmatan tuan untuk rujukan kami).
9. Lawatan Tapak akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 09 November 2025 (Ahad)
Masa : 11.30 Pagi
Tempat : Majlis Daerah Jeli

Dimaklumkan sekali lagi agar pihak tuan/puan meneliti dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti diatas bagi mengelakkan tawaran sebutharga tuan/puan ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai perkara diatas, sila berhubung terus dengan **En. Wan Yusoff bin Wan Yaacob** atau **En. Lokman bin Ismail** di talian **09-9440023**.

Tawaran sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan mestilah sampai ke MDJ **selewat-lewatnya sebelum atau pada 16hb November 2025 (Khamis) jam 12.00 tengahari** untuk perhatian **Unit Pentadbiran** seperti di alamat berikut:

**MAJLIS DAERAH JELI,
17600 JELI,
KELANTAN.**

Sila catitkan nombor bilangan tawaran sebutharga di sebelah kiri (atas) sampul surat tawaran. Sebarang sebutharga yang diterima lewat daripada masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**# ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT #
SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIR #**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI NIK ABDUL HALIM BIN HAJI NIK HASSAN)
Setiausaha
Majlis Daerah Jeli



مجلس دأیره جلی، کلنتن

MAJLIS DAERAH JELI

17600 Jeli, KELANTAN

Tel - 09 9440023 AM

- 09 9440260 S/U

Fax - 09 9440007

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Kontraktor Bumiputra yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod 220801 dan berdaftar sebagai syarikat bumiputra dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan seperti berikut:

Nombor Sebutharga	Perkara	Kod Bidang	Pendaftaran/ Taklimat/ Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebutharga
MDJ.400- 5/1/2 JLD 1 2026	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod 220801 dan berdaftar sebagai Syarikat Bumiputra	09 November 2025 (Ahad) Pendaftaran pada jam 10:30 pagi Taklimat dan Lawatan Tapak pada jam 11:30 pagi bertempat di Majlis Daerah Jeli	16 November 2025 (Ahad) Jam 12:00 tengahari (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan)

Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada tarikh dan masa seperti di atas di pejabat:
Majlis Daerah Jeli, 17600 Jeli, Kelantan

2. Untuk makluman, tuan/puan boleh mendapatkan dokumen sebutharga berkenaan yang boleh diperolehi di kaunter Pejabat Majlis Daerah Jeli dengan harga RM50.00 pada waktu pejabat atau dimuat turun melalui Laman Sesawang Majlis Daerah Jeli seperti berikut: <http://www.mdjeli.gov.my> dan klik di ruangan **Hebahan & Tawaran Tender (Announcement & Procurement)** dan pembayaran boleh dibuat di nombor akaun mengurus MDJ 03050000104718 (Bank Mualamat).
3. Kontraktor diwajibkan membawa sijil asal dan mengemukakan sesalinan sijil-sijil yang berkaitan semasa taklimat/lawatan tapak. Sijil-sijil berkenaan mestilah masih sah laku tempohnya.
4. Dokumen yang telah lengkap diisi berserta resit pembelian hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis bilangan No. Sebutharga serta tajuk Sebutharga di bahagian atas sebelah kiri, dihantar tangan atau diposkan berdaftar sebelum pukul 12:00 tengahari dan dimasukkan ke dalam:-

Peti Sebutharga/Tender
Majlis Daerah Jeli,
17600 Jeli, Kelantan

No. Tel : 09-9440023
No. Faks : 09-9440007

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI NIK ABDUL HALIM BIN HAJI NIK HASSAN)

Setiausaha,
Majlis Daerah Jeli

Tarikh : 02 November 2025 (Ahad)